# RENO CONCEPT

Galeri Dapur & Reka Bentuk Kabinet







## Menata ruang dapur yang terhad

DAPUR KECIL DENGAN PENATAAN YANG KOMPAK MENJADI PILIHAN BAGI KEBANYAKAN KELUARGA SAAT INI. BIASANYA KELUARGA MUDA MENGGEMARI KEDIAMAN SEPERTI APARTMEN DAN KONDOMINIUM DENGAN ALASAN INGIN MEMANFAATKAN RUANG. DENGAN KELUASAN YANG TERHAD, PENATAAN RUANG DAPUR HARUSLAH EFISIEN DAN PRAKTIKAL.

Menurut Pengarah Urusan Reno Concept Sdn Bhd, Eric Chan, jika merancang pemasangan kabinet dapur pengguna seharusnya membawa lakaran lantai kediaman ketika menemui pakar perunding.

"Paling penting bajet dan ukuran lantai ruang. Biasanya perbincangan dan khidmat nasihat profesional diberikan secara terperinci kepada pemilik kediaman mengenai pilihan yang mereka ada. Cadangan dan padanan material dari segi skema warna serta gaya sesuai turut dilakukan dalam memastikan ia menepati cita rasa atau mengikut keluasan ruang dapur yang ada," kata Eric.

Reno Concept yang beroperasi sejak tahun 1998 sering mementingkan kualiti dan praktikaliti Kabinet bukan hanya menarik dipandang tetapi perlulah praktikal.

Berdasarkan lakaran lantai kediaman, sebuah lakaran grafik 3D untuk memberikan gambaran jelas kepada pemilik kediaman. Dalam mereka bentuk, Reno Concept sering mengutamakan permintaan pengguna sama ada untuk tujuan gaya hidup atau ruang memasak.

Apabila mereka bentuk dapur yang mempunyai keluasan yang terhad, kuncinya ialah efisien. Diperlukan sedikit analisa apa yang perlu ada di dalamnya dan bagaimana menempatkannya. Untuk membuatkan dapur kecil menjadi efisien dan praktikal, dapur perlu diatur dengan mementingkan tiga elemen utama yang saling berkaitan iaitu area untuk penstoran dan persiapan makanan, kedua ialah tempat mencuci dan ketiga adalah area untuk memasak.

Menurut Eric, beberapa kelengkapan yang diperlukan untuk keselesaan dapur terhad antara lain kabinet atas yang digunakan untuk menyimpan bahan-bahan memasak dan peralatan makan seperti piring, gelas, pisau dan peralatan kecil yang lain. Reno Concept tidak menyarankan kepada pengguna rekaan kabinet hingga ke siling kerana ia akan menyesakkan ruang yang sempit.

Hud juga penting digunakan kerana fungsinya untuk menyedut asap dan bau masakan agar tidak menyebar ke ruangan lain ataupun mengotori siling di ruang dapur. Di Reno Concept mempunyai pelbagai pilihan hud dan hob dengan fungsi dan kelebihannya. Dari segi pilihan warna pula tidak semestinya dapur yang kecil tidak boleh mengaplikasikan rona gelap. Apa yang penting ia kontras dengan warna lantai agar ruang tidak kelihatan sempit.

Manfaatkan setiap sudut yang ada untuk memaksimumkan penataan dapur sehingga anda tidak perlu membuat kabinet yang terlalu



besar. Selain itu kabinet bawah boleh digunakan untuk menyimpan peralatan memasak seperti periuk, kuali dan sebagainya. Meski terhad, namun secara keseluruhan dapur ini cukup lengkap.

Reno Concept Sdn Bhd yang beralamat di No 23, Jalan 13/28, Shah Alam, Selangor itu menyediakan khidmat rundingan dan menawarkan rangkaian pilihan yang luas dan kemasan permukaan mengikut permintaan dan bajet anda.



"Kami di Reno Concept juga sentiasa mengutarakan idea dan cadangan rekaan terkini yang praktikal bersesuaian dengan gaya hidup masyarakat Malaysia. Kami prihatin terhadap fungsi dapur kini yang lebih luas, bukan sekadar sebagai tempat memasak dan menyediakan makanan semata-mata. " - ERIC & LING, SENIOR DESIGNER, RENO CONCEPT SDN BHD.



IMPIANA

# dapur

Julai-September 2008

IDEA
INSPIRASI
INOVASI

www.karangkraf.com/dapurimpiana

*Kenali dan kendali dapur gas*

**D.I.Y**
***Folk-Art***
penyeri ruang dapur
m/s154

**Kriteria memilih MEJA MAKAN**

*Solusi*
**Dapur Bentuk L**

*Table Setting,*
benarkah penting?

**15 info tentang peti sejuk**

| Profil Utama |

# Penstoran
## Ketahui fungsi ruang menyimpan

ISSN 1985-1936

RM10.00



**Dapur rona menyengat ilham Fiena**



FAIL IDEA IKEA

**IKEA** ada idea reka letak dapur yang selamat digunakan dan ilham menyusun atur ruang dapur.

12




20

**Produk**
Pilihan *DAPUR IMPIANA*

tip dapur impiana

info dapur impiana

idea dapur impiana